

**PM Ucap Tahniah Ali Hamsa Dipilih Presiden CAPAM**  
**Bernama**  
**Oct 18, 2014**

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa yang dipilih sebagai Presiden Pertubuhan Komanwel bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan (CAPAM) yang baharu.

Perdana Menteri menyifatkan pemilihan itu sebagai bukti bahawa kepimpinan Ali dan transformasi sistem pentadbiran Malaysia mendapat pengiktirafan negara-negara Komanwel.

"Tahniah @AliHamsa55 atas pelantikan sebagai Presiden CAPAM, bukti negara-negara Komanwel iktiraf pimpinan beliau & transformasi sistem pentadbiran Malaysia," kata Najib dalam catatannya di laman Twitter malam ini.

Pemilihan Ali, 59, untuk menerajui CAPAM bagi penggal 2014 hingga 2016, dipersetujui sebulat suara oleh anggota pertubuhan itu pada mesyuarat agungnya di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) hari ini.

Mesyuarat agung itu diadakan sempena persidangan dwitahunan CAPAM, yang bermula esok hingga 21 Okt di PICC, bertemakan "Transformasi Perkhidmatan Awam: Suatu Bicara Baharu".

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1077960>